

# **HIKAYAT PELANDUK JENAKA : PERKEMBANGAN KECERDASAN BODILY- KINESTHETIC DAN KECERDASAN BAHASA KANAK-KANAK DAN REMAJA**

Roslina Binti Abu Bakar, Ph.D<sup>1</sup>  
*Universiti Putra Malaysia*

## **ABSTRAK**

*Objek penelitian ini mengenai kehidupan masyarakat seisi rimba menerusi Hikayat Pelanduk Jenaka. Hikayat Pelanduk Jenaka membawa pelbagai penyelesaian masalah yang berupaya mempengaruhi pembangunan jasmani, emosi, intelek serta sahsiah golongan kanak-kanak dan sesuai dijadikan medium pengajaran dalam kalangan kanak-kanak pra sekolah mahupun remaja awal. Perwatakan yang dibawakan oleh watak-watak binatang menerusi Hikayat Pelanduk Jenakaturut dihubungkan dengan kecerdasan pelbagai yang berupaya membina pengetahuan dan maklumat awal pada peringkat awal pembelajaran kanak-kanak. Hikayat Pelanduk Jenaka amat bersesuaian untuk digunakan sebagai medium pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak dan remaja awal untuk memperkembangkan kecerdasan dan keupayaan semulajadi yang dimiliki oleh mereka. Kajian ini mengaplikasikan kaedah analisis kandungan dan mengaplikasikan teori Kecerdasan Pelbagai yang dikemukakan oleh Howard Gardner (1983; 1993). Naratif Hikayat Pelanduk Jenaka berupaya dihubungkan dengan pelbagai kecerdasan yang dimiliki oleh kanak-kanak dan remaja. Namun demikian, penulisan ini hanya berfokus kepada kecerdasan bodily-kinesthetic dan kecerdasan bahasa sahaja serta hubungannya dengan pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak dan remaja awal. Objektif kajian ini untuk mengenalpasti Hikayat Pelanduk Jenaka dan hubungannya dengan perkembangan kecerdasan bahasa dan bodily-kinesthetic kanak-kanak dan remaja. Kedua, untuk menganalisis kecerdasan bahasa dan kecerdasan bodily-kinesthetic serta hubungannya dengan pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak dan remaja awal. Kecerdasan pelbagai dan Hikayat Pelanduk Jenaka berupaya membangun perkembangan jasmani, emosi, rohani, intelek, dan sahsiah kanak-kanak. Kajian ini berupaya memaparkan kepentingan naskhah Melayu lama dan sumbangannya kepada generasi muda pada era ini.*

**Kata Kunci:** *Perkembangan, Kecerdasan, Kanak-Kanak, Remaja*

---

<sup>1</sup> Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM, Serdang, Selangor, 03-8946 8720/017-7308286, Email: lynabubakar@upm.edu.my

## PRAWACANA

*To my mind, a human intellectual competence must entail a set of skills of problem solving – enabling the individual to resolve genuine problems or difficulties that he or she encounters and, when appropriate, to create an effective product – and must also entail the potential for finding or creating problems – thereby laying the groundwork for the acquisition of new knowledge.*

(Gardner, 1983: 60-61)

Secara ringkas, petikan tersebut menyatakan bahawa kecerdasan adalah kemampuan seseorang individu untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi dalam kehidupan seharian. Kecerdasan juga merupakan kemampuan untuk menghasilkan persoalan-persoalan baharu, pengetahuan serta keupayaan mencipta suatu produk yang bermanfaat. Fenomena tersebut turut diperlihatkan menerusi watak dan perwatakan Syeikh Alam di Rimba menerusi *Hikayat Pelanduk Jenaka*. Pelanduk jenaka yang bergelar Syeikh Alam di Rimba digambarkan sebagai watak yang memiliki pelbagai kecerdasan dan berupaya menyelesaikan pelbagai masalah yang dihadapi oleh seisi rimba dan lautan. Syeikh Alam di Rimba turut berperanan sebagai pemimpin yang bertanggungjawab memelihara keharmonian masyarakat yang mendiami seisi rimba dan lautan.

*Hikayat Pelanduk Jenaka* terkandung pelbagai persoalan yang berupaya berfungsi sebagai teladan dan membantu perkembangan kecerdasan *bodily-kinesthetic* dan kecerdasan bahasa kanak-kanak serta remaja khususnya. Kreativiti serta ketinggian daya kognitif pengarang *Hikayat Pelanduk Jenaka* berupaya memperlihatkan watak dan perwatakan binatang yang saling membantu menyelesaikan kesulitan yang dihadapi dengan pelbagai kaedah penyelesaian masalah. Kesannya, *Hikayat Pelanduk Jenaka* berupaya mempengaruhi golongan pembaca yang terdiri daripada remaja awal khususnya agar mempunyai pertimbangan untuk mencapai keputusan iaitu menimbangkan pelbagai pilihan untuk menyelesaikan masalah dan membuat keputusan. Di samping itu, *Hikayat Pelanduk Jenaka* sebagai bahan pengajaran yang digabungjalinkan dengan teknik berbincang dalam dalam bilik darjah pula akan menghasilkan pelajar yang berupaya mengesan kekuatan dan kelemahan sesuatu perkara untuk membuat pilihan terbaik. Kenyataan tersebut dibuktikan menerusi kenyataan C. June Maker dan Ketty Sarouphim (2009: 329),

*solving a wide range of problems is a key aspect of demonstrating multiple intelligences. Observation of children and adults engaged in problem solving is the most valuable way to discover their varied strengths and expression of abilities.*

Teori Kecerdasan Pelbagai (KP) yang diasaskan oleh Gardner pada tahun 1983 amat relevan digunakan untuk merungkai elemen kecerdasan *bodily-kinesthetic* dan kecerdasan bahasa menerusi manuskrip Melayu tradisional *Hikayat Pelanduk Jenaka*. Pengkaji berpendapat *Hikayat Pelanduk Jenaka* amat bersesuaian dijadikan sumber bacaan primer atau sekunder dalam pengajaran dan pembelajaran golongan kanak-kanak dan remaja

khasnya. Contohnya, ciptaan watak utama iaitu watak binatang yang berperanan seperti manusia digambarkan sebagai pemimpin yang bertanggungjawab melindungi seisi rimba dan lautan. Oleh hal yang demikian, Syekh Alam di Rimba selaku watak utama *Hikayat Pelanduk Jenaka* telah berusaha menyelesaikan pelbagai masalah yang dihadapi oleh warga rimba dan lautan dengan menggunakan ideanya yang bijaksana. *Hikayat Pelanduk Jenaka* sebagai wahana pengajaran dan pembelajaran berupaya mempertingkatkan daya kognitif serta pelbagai kecerdasan yang dipunyai oleh kanak-kanak dan remaja awal khususnya. Di samping itu, *Hikayat Pelanduk Jenaka* sarat dengan pelbagai informasi dan pengetahuan untuk disampaikan kepada audien menerusi pelbagai gaya bahasa, diksi dan pelbagai ragam ayat yang berupaya memberi pelbagai informasi. Kenyataan tersebut menggambarkan kesan positif akan penggunaan pelbagai gaya bahasa dan kepentingannya dalam kehidupan manusia. Kenyataan tersebut sebagaimana menurut Ernawulan Syaodih (2007: 244), bahasa merupakan alat komunikasi yang berupaya menyampaikan atau menerima informasi.

Bahasa sebagai alat komunikasi yang bersifat indah serta disusun dari kata-kata dan mempunyai tujuan dan makna tertentu. Kenyataan tersebut selari dengan pendapat Vygotsky (Ernawulan Syaodih; 244) yang berpendapat bahawa perkembangan bahasa berjalan seiring dengan perkembangan kognitif, malahan sering menunjang dan keduanya berkembang dalam lingkungan sosial-budaya tertentu. Bahasa juga merupakan alat utama untuk mengekspresikan fikiran dan perasaan. Bahasa dapat membantu perkembangan kognitif. Bahasa juga dapat mengarahkan perhatian anak kepada benda-benda baharu atau hubungan baharu yang ada di lingkungan, mengenalkan anak pada pandangan-pandangan yang berbeza, dan memberikan informasi pada anak. Bahasa adalah salah satu dari berbagai peringkat yang terdapat dalam sistem kognitif manusia. Menurut Kamaruzzaman A. Kadir, menerusi kertas kerjanya bertajuk "*Estetika dalam Puisi Melayu Modern: Ditinjau dari Aspek Bahasa*" (Roslina Abu Bakar: 137), menyatakan bahawa bahasa adalah alat utama untuk menimbulkan unsur estetika yang berkaitan dengan hakikat keindahan dan seni. Ini kerana bahasa pada umumnya bukanlah telah sedia indah, sebaliknya keindahan tersebut akan lebih banyak terpancar dari cara penggunaannya, iaitu pemilihan, pembentukan serta penyusunan oleh penuturnya. Situasi ini akan memberikan makna keindahan yang dapat meningkatkan rasa apresiasi khalayak.

Berhubung dengan kenyataan tersebut, *Hikayat Pelanduk Jenaka* turut mempunyai pelbagai ragam bahasa berbentuk prosa. Terdapat unsur keindahan dengan menggunakan kosa kata berunsur jenaka serta membawa kepelbagaian makna. Antaranya, metafora, analogi, kiasan, hiperbola yang berupaya membantu memberi hiburan, penjelasan, pengajaran dan pembelajaran kepada kanak-kanak dan remaja awal. Menerusi *Hikayat Pelanduk Jenaka*, peranan yang dibawakan oleh pelbagai watak dan perwatakan binatang yang mempunyai pelbagai kecerdasan, dapat bercakap, berfikir dan mempunyai sifat kemanusiaan seperti manusia merupakan analogi yang berupa sindiran dan berfungsi sebagai kritikan kepada masyarakat. Gardner (1983) menerusi bukunya *Frames of Mind: The Theory of Multiple Intelligences* menegaskan terdapat sekurang-kurangnya tujuh kecerdasan iaitu linguistik, logikal-matematik, spatial, muzikal, *bodily-kinesthetic*, interpersonal dan intrapersonal. Merujuk kepada teori Kecerdasan Pelbagai, Roslina Abu Bakar (2013: 70), menyatakan bahawa Gardner (1983) pada asalnya menyenaraikan tujuh kecerdasan yang dimiliki oleh setiap manusia tetapi kemudiannya telah ditambah satu kecerdasan lagi iaitu kecerdasan naturalis.

Justeru, setiap individu memiliki sekurang-kurangnya lapan jenis kecerdasan kerana otak manusia adalah unik. Setiap individu, memiliki kelapan-lapan kecerdasan berfungsi bersama menerusi cara yang unik, di mana terdapat mereka yang mempunyai tahap kecerdasan yang tinggi dalam hampir kesemua lapan kecerdasan atau sebaliknya. Kenyataan ini diperkukuhkan lagi berdasarkan kenyataan Demirel, Basbay & Erdem (Gamze Dolu (2014:59),

*The interest and talent fields might vary from person to person. Intelligence does not only involve mathematical-logical or verbal- linguistic abilities as stated in the traditional intelligence concept. At this aspect, Multiple Intelligence (MI) theory proposed by Howard Gardner in 1983 brings an explanation for this situation to the field. Seven domains of intelligences put forward in MI theory are verbal-linguistic intelligence, logical-mathematical intelligence, visual-spatial intelligence, bodily-kinesthetic intelligence, musical-rhythmical intelligence, social-interpersonal intelligence and intrapersonal intelligence as introduced in Gardner's book named "Frames of Mind" in 1983. In 1999, Gardner reframed the theory by adding the eighth domain of intelligence - naturalistic intelligence in his book named "Intelligence Reframed". It is also stated that more intelligence domains could be possible such as existentialist intelligence and Gardner maintains his work in the field.*

(2014:59)

### **NARATIF HIKAYAT PELANDUK JENAKA DAN HUBUNGANNYA DENGAN PELBAGAI KECERDASAN KANAK-KANAK DAN REMAJA**

Setiap kanak-kanak dan remaja itu memiliki pelbagai kecerdasan semulajadi dalam diri mereka dan setiap kecerdasan itu saling hubung antara satu dengan lainnya. Sehubungan itu, *Hikayat Pelanduk Jenaka* sebagai bahan pengajaran serta pembelajaran di samping pengaplikasian teknik pengajaran yang bersesuaian mampu memperkembangkan pelbagai kecerdasan yang dimiliki oleh kanak-kanak dan remaja awal. Kerelevanannya sebagaimana menurut Sternberg (1986:11) yang menyatakan bahawa kecerdasan bukan satu tetapi adalah pelbagai. Selanjutnya, pemahaman mengenai kecerdasan akan bertambah sekiranya merentas keluar daripada pengkajian makmal dan menghala ke arah interaksi individu dengan persekitaran.

Setiap individu memiliki kelapan-lapan kecerdasan yang berfungsi secara bersama menerusi cara yang unik. Setiap individu turut mempunyai tahap kecerdasan yang tinggi atau sebaliknya dalam hampir kesemua lapan kecerdasan yang dimiliki secara semulajadi. Namun demikian, penulisan ini hanya berfokus kepada kecerdasan bahasa dan kecerdasan *bodily-kinesthetic* kanak-kanak dan remaja awalyang berupaya dibentuk menerusi pembacaan *Hikayat Pelanduk Jenaka*. Justeru, *Hikayat Pelanduk Jenaka* sebagai bahan pembacaan dan pengajaran berupaya membentuk kecerdasan yang dimiliki, memperkembangkan keistimewaan dan kecerdasan yang sedia ada dimiliki oleh golongan kanak-kanak dan remaja awal. Kenyataan tersebut sebagaimana menurut Reid & Romanoff (Gamze Dolu (2014:59),

*MI theory is reported to be utilized in the identification process of young gifted. Besides, it is asserted to be an effective approach that can be utilized in gifted students' education.*

(2014: 59)

## **KECERDASAN**

Menurut Roslina Abu Bakar (2013: 62), definisi kecerdasan pada umumnya merujuk kepada individu yang mempunyai kebolehan intelek yang tinggi. Kebolehan yang dimiliki itu dijemakan dalam bentuk tingkah laku yang dianggap bernilai oleh sesuatu budaya. Sternberg (Roslina Abu Bakar: 62), menerusi tulisannya yang bertajuk “*A Framework for Understanding conceptions of Intelligence*” dalam *What is Intelligence?* telah mencadangkan suatu rangka untuk memahami konsep kecerdasan. Beliau telah mengidentifikasikan kecerdasan sebagai kemampuan intelek yang terdiri daripada tiga bahagian iaitu konteks yang memberi penekanan kepada kepentingan dan pengaruh persekitaran terhadap pembentukan kecerdasan individu. Kedua, pengalaman iaitu penekanan kepada kepentingan dan pengaruh pengalaman lalu terhadap perlakuan individu dalam menjalankan tugas baharu dalam lingkungan budaya dan masyarakat. Fenomena ini merupakan cara seseorang individu menyesuaikan diri dengan persekitaran baharu dan tahap keupayaannya untuk melaksanakan fungsi kognitif yang merupakan dua unsur penting bagi kecerdasan individu tersebut. Ketiga, komponen iaitu mekanisme yang digunakan oleh individu untuk memperoleh, memproses dan menyimpan maklumat.

Pelbagai kecerdasan yang dimiliki oleh kanak-kanak adalah merupakan adunan kecerdasan yang sentiasa berubah dan bersifat dinamik. Sehubungan itu, kanak-kanak berupaya mempergiatkan pelbagai kecerdasan yang dimilikinya. Contohnya, *Hikayat Pelanduk Jenaka* berupaya memupuk kecenderungan dan bakat kanak-kanak menerusi galakan pengayaan. Sehubungan itu, kecerdasan yang dimiliki oleh mereka berupaya berfungsi bersama dengan cara yang kompleks dan tidak secara bersendirian. Pelbagai kecerdasan tersebut saling berinteraksi dan berkait antara satu sama lain. Kenyataan tersebut sebagaimana menurut Roslina Abu Bakar (2013: 134), kecerdasan boleh dipelajari, dididik dan ditingkatkan.

## **HIKAYAT PELANDUK JENAKA DAN PERKEMBANGAN KECERDASAN PELBAGAI KANAK-KANAK**

Pelbagai kecerdasan yang dimiliki oleh kanak-kanak adalah adunan kecerdasan yang sentiasa berubah dan bersifat dinamik. Sehubungan itu, kanak-kanak berupaya mempergiatkan pelbagai kecerdasan yang dimilikinya dari semasa ke semasa. Antaranya, *Hikayat Pelanduk Jenaka* berupaya membolehkan kanak-kanak mempraktikkan kecerdasan yang dimilikinya dengan adanya galakan pengayaan ketika proses pengajaran dan pembelajaran. Sehubungan itu, kecerdasan yang dimiliki oleh mereka berfungsi bersama dengan cara yang kompleks dan tidak secara bersendirian. Contohnya, kecerdasan bahasa mempunyai kaitan dan saling hubung dengan kecerdasan *bodily-kinesthetic* khususnya untuk merungkai simbol dan makna.

Fenomena tersebut membuktikan bahawa kecerdasan pelbagai yang dimiliki saling berinteraksi dan berkait antara satu sama lain. Menurut Roslina Abu Bakar (2013: 70), kecerdasan setiap makhluk adalah berbeza-beza dan makhluk berevolusi dari taraf yang paling rendah hingga ke taraf makhluk yang sempurna. Fenomena ini dialami oleh

manusia sehingga mencetuskan pendapat bahawa manusia memiliki strata kemampuan berkaitan dengan akalunya. Contohnya, kanak-kanak dan remaja berupaya memperkembangkan strata kemampuan yang dimilikinya, kreatif dan kritis menggayakan pelbagai aktiviti ketika proses pengajaran dan pembelajaran. Contohnya, menerusi bahan pengajaran *Hikayat Pelanduk Jenaka*, persoalan yang disuguhkan menerusi tindakan Pelanduk Jenaka (Syeikh Alam di Rimba) mendamaikan kambing dan harimau secara bermusyawarah berupaya menjana kreativiti dan inovasi para pelajar khususnya kanak-kanak dan remaja awal. Kebijaksanaan akal fikiran Syeikh Alam di Rimba menyarankan agar kambing memakan buah Lakum adalah gambaran kreativitinya menyelesaikan masalah sehingga berjaya mendamaikan antara kedua binatang tersebut. Buah Lakum yang dimakan oleh kambing menyebabkan mulut dan janggutnya menjadi merah telah disangka darah oleh harimau. Harimau telah tertipu lalu gentar dengan kehebatan kambing. Akhirnya, matlamat Syeikh Alam di Rimba telah menjadi kenyataan kerana harimau dan kambing telah berdamai dan berbaik-baik antara satu sama lain. Justeru, persoalan yang disuguhkan menerusi *Hikayat Pelanduk Jenaka* tersebut berupaya mendedahkan kanak-kanak dan remaja kepada keupayaan menyelesaikan masalah, kemampuan untuk menghasilkan persoalan-persoalan baharu untuk diselesaikan secara kreatif dan kritis serta menghasilkan sesuatu yang berguna sebagai panduan dan amalan dalam kehidupan sebenar. Berikut merupakan contoh petikan yang berkaitan dengan kenyataan tersebut, Petikan 1:

*...maka kata pelanduk "hai sekalian tuan-tuan pada hari inilah engkau aku perdamaikan dengan sekawan harimau itu jangan engkau berseteru dengan harimau itu..."*

(Hikayat Pelanduk Jenaka: 12)

Petikan 2:

*...maka sekalian kambing beribu-ribu itu pun habis pergilah ke bawah bukit itu makan buah Lakum yang masak. Maka mulutnya jadi merah seperti darah dan janggutnya pun merah jua. Maka kata harimau, "pergilah anakku lihat olehmu seperti kata Pelanduk Jenaka itu sungguhlah atau tiada. Maka anak harimau dua ekor itu pun pergilah. Setelah ia sampai kepada tempat pelanduk itu maka lalu dilihati sekawan kambing itu terlalu hebatnya rupanya dan mulutnya penuh dengan darah sampai ke janggutnya..."*

(Hikayat Pelanduk Jenaka: 9)

Persoalan yang disuguhkan oleh pengarang *Hikayat Pelanduk Jenaka* menerusi petikan tersebut berupaya merangsang pemikiran kanak-kanak dan memperkembangkan daya imajinasi mereka. Kaedah pendidikan yang diberikan kepada golongan kana-kanak pada tahap usia 3 hingga 6 tahun adalah amat penting dan seharusnya saling kait dengan pelbagai kecerdasan yang dimiliki oleh mereka. Kenyataan tersebut sebagaimana menurut Ernawulan Syaodih (2007: 241), pendidikan awal kanak-kanak pada usia 3 hingga 6 tahun perlu berorientasi pada perkembangan yang memungkinkan para pendidik untuk merencanakan berbagai pengalaman yang dapat menumbuhkan minat anak, merangsang keingintahuan anak, melibatkan anak secara emosional dan intelektual, serta

membuka daya imaginasi mereka baik melalui pengalaman sensorik mahu pun persepsi. Kenyataan tersebut disokong oleh Semra Erkan, M. Burcu Öztürk (2013:252),

*Pre-school is the most important period in children lives. In this period, children go through important developmental stages and their intelligence develops the fastest. The Multiple Intelligences Theory is an important approach in revealing the child's existing potential and in determining the dominant and non-dominant fields of intelligence.*

(2013:252)

Hasil penelitian, pengkaji mendapati bahawa naratif *Hikayat Pelanduk Jenaka* berupaya memperkembangkan pelbagai kecerdasan yang dimiliki oleh kanak-kanak dan remaja seperti kecerdasan kecerdasan bahasa, kecerdasan *bodily-kinesthetic*, kecerdasan interpersonal, kecerdasan intrapersonal, dan pelbagai kecerdasan lainnya. Justeru, kajian ini akan merungkai *Hikayat Pelanduk Jenaka* dan memberi tumpuan kepada kecerdasan *bodily-kinesthetic* dan kecerdasan bahasa.

### **KECERDASAN BODILY-KINESTHETIC**

Menurut Gardner (1983: 205-236), menerusi kecerdasan *bodily-kinesthetic*, seseorang itu berkebolehan mengawal pergerakan tubuh badan sendiri dan objek di sekelilingnya. Individu tersebut turut mempunyai gerak balas terlatih dan berkebolehan menggunakan anggota badan dalam menyelesaikan masalah. Ciri-ciri seseorang yang mempunyai kecerdasan ini adalah mereka yang mempunyai kemahiran dalam menggunakan anggota badan, menghubungkan kait minda, dan anggota badan, kebolehan menggunakan unsur-unsur mimik, dan kebolehan mengawal pergerakan.

Hal tersebut turut dialami oleh setiap kanak-kanak dan mereka mempunyai perkembangan tingkah laku dan pertumbuhan fizikal tubuh badan yang tidak sama. Perkembangan tingkah laku dan pertumbuhan fizikal tubuh badan tersebut berupaya membantu mereka beraktiviti dan menjalani proses pembelajaran dalam kehidupan seharian mereka. Kenyataan tersebut sebagaimana pendapat Santrock (Ernawulan Syaodih, 2007: 243), kanak-kanak pada usia 4-5 tahun koordinasi motorik halus mereka semakin meningkat seperti tangan, lengan, dan tubuh.

Justeru, untuk membantu peningkatan motorik halus kanak-kanak pada usia 4-5 tahun, aktiviti simulasi seperti melakonkan naratif *Hikayat Pelanduk Jenaka* berupaya merangsang dan memperkembangkan tingkah laku motor mereka. Kenyataan ini sebagaimana dapatan kajian yang dilakukan oleh Loredana – Andreea Stăncună dan Aneliz-Iulia Crăciun (2011:73). Kajian beliau bersandar kepada pendapat Bruner (1983) yang menekankan penglibatan kanak-kanak dalam persembahan ketika pembelajaran sebagaimana berikut,

*Since the beginning of the study, the children were involved in presentation activities, as well as in the departure ones. Bruner (Loredana – Andreea Stăncună dan Aneliz-Iulia Crăciun, 2011:73) claims that teachers must engage in a “struggle against passivity”. Thus we chose as a landmark for the beginning and end of each lesson, two suggestive songs, titled “Hello” and “Goodbye”. These songs have allowed the children to enter the English lesson environment and were a “signal” that the English time either started or ended. The songs proved to very alluring and exciting, because through their simple and entertaining lyrics, they offered the children freedom of movement, and gave them the opportunity to use hands and face expressions. Thus, we aimed the understanding of greetings expressions in new contexts, through verbal repetition, mixed with suitable gestures and movements.*

(2011: 73)

Oleh hal yang demikian, aktiviti simulasi yang dilaksanakan ketika pengajaran dan pembelajaran berupaya membentuk dan memperkembangkan pelbagai kecerdasan yang dimiliki oleh kanak-kanak pada tahap usia 3 hingga 6 tahun. Contohnya, aktiviti simulasi dalam kalangan kanak-kanak yang diadakan secara berkumpulan, menggunakan maskot dan memainkan peranan masing-masing berdasarkan perwatakan pelbagai binatang yang terdapat dalam naratif *Hikayat Pelanduk Jenaka*. Menerusi aktiviti ini, guru akan memantau dan membuat arahan kepada kanak-kanak agar melakonkan atau memainkan peranan Pelanduk Jenaka, harimau, kambing, buaya, gajah, singa, ikan dan pelbagai binatang di rimba dan lautan. Ketika melaksanakan aktiviti tersebut, kanak-kanak berupaya mengembangkan kecerdasan kinestetik badan sambil dipantau oleh guru atau ibu bapa. Kanak-kanak akan mempersembahkan aksi dan perbuatan yang melibatkan pergerakan badan seperti duduk, melompat, berdiri, makan dan pelbagai gerakan yang menggunakan seluruh anggota badan dan mimik muka. Justeru, ketika aktiviti lakonan dan simulasi ini dilaksanakan, kanak-kanak akan menghubungkan dan memperkembangkan kecerdasan *verbal* dan *non verbal* secara tidak langsung. Berikut merupakan contoh petikan naratif *Hikayat Pelanduk Jenaka* yang berupaya membantu perkembangan *bodily-kinesthetic* kanak-kanak,

*...maka raja singa pun segeralah ia melompat. Daripada sangat derasnya lompatan itu maka terselitalah pada kayu yang empat berapit cabangnya itu serta diambilnyalah buah Jala itu. Lalu dimakannya buah yang berisi semut itu. Lalu dimakan oleh raja singa maka ia pun mabuklah terguling-guling tidak dapat keluar lagi...*

(Hikayat Pelanduk Jenaka: 48-49)

Pada waktu berlangsungnya aktiviti simulasi, kanak-kanak dipandu oleh guru atau ibu bapa untuk melakonkan peranan Syeikh Alam di Rimba. Contohnya, menerusi petikan tersebut, peranan dan peristiwa Syeikh Alam di Rimba mengajak raja singa bermain-main (tandingan) di kawasan bukit berupaya membantu perkembangan *bodily-kinesthetic* dan



kecerdasan-kecerdasan lain yang dimiliki oleh golongan kanak-kanak. Fenomena tersebut turut mempengaruhi perkembangan kecerdasan kognitif, afektif dan psikomotorik kanak-kanak. Peristiwa Syeikh Alam di Rimba bertentangan dengan raja singa telah mengubah persepsi raja singa terhadap Syeikh Alam di Rimba. Raja singa yang sebelumnya memandang rendah akan kebolehan Syeikh Alam di Rimba akhirnya akur akan kebolehan binatang yang dianggap lemah itu. Aktiviti simulasi tersebut telah berupaya mempengaruhi perkembangan intrapersonal (komunikasi dalam hati dan fikiran) kanak-kanak di samping *bodily-kinesthetic* (kecerdasan yang terkait dengan kebolehan pergerakan anggota badan) mereka. Menurut Armstrong (Roslina Abu Bakar, 1993: 10-11), kecerdasan *bodily-kinesthetic* adalah kecerdasan berbentuk fizikal. Kecerdasan ini merupakan kebolehan individu dalam mengawal pergerakan badan dan juga mengendalikan objek dengan mahir dan cekap.

Contohnya, menerusi peristiwa Syeikh Alam di Rimba menggunakan sumpitannya ke pokok kayu berapi di tengah padang dan meletakkan buah jala sebiji di sumpitannya menggambarkan kebijaksanaannya. Peristiwa tersebut menggambarkan perkembangan psikomotorik ketika memainkan peranannya untuk menewaskan raja Singa. Syeikh Alam di Rimba telah meminta bentara landak dan menteri serigala agar memanggil raja singa dengan segera ke tengah padang untuk bermain-main sambil bertentangan dengannya. Setelah itu, Syeikh Alam di Rimba mengajak raja singa melompat-lompat di atas sebatang kayu. Syeikh Alam di Rimba memulakan lompatan di atas kayu tersebut lalu memakan buah jala yang tidak diisi dengan semut. Kemudiannya, apabila giliran raja singa melakukan lompatan, raja singa telah tersepit di kayu yang mempunyai cabang empat berapit. Raja singa lantas memakan buah jala yang telah diisi dengan semut lalu mabuk dan pengsan.

Ketika raja singa sedang pengsan, raja singa telah dicucuk oleh Syeikh Alam di Rimba dengan taringnya. Raja singa menjerit kesakitan lalu tewas dengan kebijaksanaan Syeikh Alam di Rimba. Berikutan peristiwa tersebut, raja singa telah bersumpah dan takluk di bawah Pelanduk Jenaka atau Syeikh Alam di Rimba. Akhirnya, raja singa telah insaf lalu memohon maaf dan berjanji akan akur perintah Syeikh Alam di Rimba. Ketika aktiviti simulasi tersebut, kanak-kanak dan remaja awal berupaya memanipulasi dan menguji kemampuan gerak badan mereka di samping mengharungi proses belajar ketika aktif berinteraksi antara satu dengan lain. Di samping memperkembangkan kinestetik badan, mereka turut memperkembangkan pelbagai kecerdasan yang dimiliki seperti kecerdasan bahasa, kecerdasan interpersonal, kecerdasan intrapersonal, dan naturalis.

Ketika melakonkan perwatakan pelbagai binatang di rimba, kanak-kanak akan memperkembangkan dan menghubungkan diri mereka dengan kinestetik badan, menggunakan gerak seluruh anggota tubuh, gerak balas terlatih dan mimik muka. Menurut Roslina Abu Bakar (2013: 134), pergerakan badan individu boleh dibahagikan kepada tiga kategori besar iaitu gerak dan orientasi badan, air muka dan tingkah laku mata. Gerak dan orientasi badan pula merujuk kepada pergerakan kepada tubuh, lengan tangan, kaki dan ia juga merujuk kepada seluruh orientasi badan dan gaya. Air muka pula adalah satu petunjuk bukan lisan yang cukup penting untuk memberikan makna kepada mesej yang disalurkan. Tingkah laku mata pula mungkin merupakan bahagian badan yang paling ekspresif. Contoh petikan:

...Masing-masing menundukkan kepalanya sepetang berdatang sembah demikian bunyinya, “ Daulat Tuanku Syeikh Alam .....”

(Hikayat Pelanduk Jenaka: 27)

Petikan tersebut memperlihatkan gerak serta orientasi badan yang membawa makna tertentu serta berhubungan dengan budaya Melayu. Menerusi aktiviti simulasi tersebut, kanak-kanak berupaya mempraktik petunjuk bukan lisan yang mempunyai hubungan erat dengan adat istiadat dalam budaya Melayu lalu melestarikannya. Ketika aktiviti simulasi, kinestetik badan dan gerakan sebagai tanda hormat kepada ketua di rimba (Syeikh Alam di Rimba) memperkembangkan kebolehan kanak-kanak dalam mengawal pergerakan badan. Fenomena tersebut secara tidak langsung melestarikan adat istiadat Melayu dalam kalangan generasi muda iaitu menghadap raja atau pemimpin. Menurut Sabariah Abdullah (2005: 5), adat istiadat dalam masyarakat Melayu bermula sejak seseorang itu lahir lagi.

Selain itu, aktiviti simulasi kanak-kanak dan remaja berdasarkan peristiwa adat istiadat menghadap raja atau orang besar-besar yang terdapat dalam *Hikayat Pelanduk Jenaka* berupaya memperkembangkan kinestetik badan dan menyemai rasa cinta akan adat istiadat dan budaya Melayu dalam kalangan generasi muda. Adat istiadat menghadap raja tersebut menggambarkan taat setia dan dilakukan secara tertib sebagaimana kenyataan Syed Alwi bin Sheikh al-Hadi (1965:66) iaitu menyembah Yang diPertuan Besar atau Sultan hendaklah dengan menyusun jari sepuluh dan mengangkat akan kedua belah tangan hingga kedua hujung ibu jari tangan itu jejak di dahi, di antara dua kening.

Aktiviti simulasi tersebut menjelaskan bahawa individu yang mempunyai kecerdasan *bodily-kinesthetic* turut berkebolehan bergaul antara sesama individu dan turut mempunyai daya sensitiviti yang baik. Ketika memainkan peranan binatang di rimba, kanak-kanak yang mempunyai kecerdasan ini merasakan bahawa mereka perlu untuk menggerakkan badan mereka dengan kerap. Sehubungan itu, kanak-kanak berupaya mengamati mimik muka, suara dan bahasa badan untuk memahami tindak balas ketika aktiviti simulasi. Aktiviti meniru, mengajuk gaya, menyerupai rupa dan cara pelbagai binatang di rimba tersebut berupaya mewujudkan dan mengungkap bahasa badan yang digunakan. Kanak-kanak juga turut berpeluang untuk mengulas maksud kinestetik badan serta mimik muka yang dilakonkan oleh mereka. Oleh hal yang demikian, ruang tersebut berupaya memperkembangkan kecerdasan kinestetik badan yang telah sedia ada dimiliki oleh golongan kanak-kanak tersebut.

Secara tuntas, fenomena tersebut memperlihatkan bahawa naratif *Hikayat Pelanduk Jenaka* yang diaplikasi dalam pengajaran dan pembelajaran secara lisan dan bukan lisan mempunyai peranan tertentu ke arah perkembangan pelbagai kecerdasan yang dimiliki oleh kanak-kanak dan remaja.

## **KECERDASAN BAHASA**

Naratif *Hikayat Pelanduk Jenaka* berupaya memperlihatkan pelbagai mesej secara implisit dan eksplisit dalam kalangan kanak-kanak dan remaja. Menerusi *Hikayat Pelanduk Jenaka*, terdapat pelbagai penggunaan gaya bahasa yang memberi pengetahuan baharu serta berupaya memperkembangkan kecerdasan bahasa yang dimiliki oleh mereka. Contohnya, gaya bahasa autonomasia yang merupakan gelar resmi atau jawapan sebagai

pengganti nama diri turut diperlihatkan menerusi *Hikayat Pelanduk Jenaka*. Pengganti nama diri Syeikh Alam di Rimba merupakan gelaran kepada Pelanduk Jenaka yang merupakan ketua segala isi rimba dan lautan. Contoh petikan:

*Wabihinastaiibillahialli, ini Hikayat Pelanduk Jenaka yang mengkhobar dirinya akan menjadi Syeikh Alam di Rimba. Dan inilah yang termasyhur namanya pada segala isi rimba dengan tipunya.*

(Hikayat Pelanduk Jenaka: 2)

*Hikayat Pelanduk Jenaka* berupaya menyampaikan maklumat kepada kanak-kanak dan remaja menerusi pemilihan kata, istilah, frasa, rangkai kata, dan ayat yang tepat serta indah. Fenomena tersebut berupaya menjana kognitif dan memperkembangkan kecerdasan bahasa kanak-kanak dan remaja. Hasilnya, kanak-kanak dan remaja berupaya memberikan tindak balas selepas aktiviti pembelajaran, menceritakan semula naratif *Hikayat Pelanduk Jenaka* secara keseluruhan, berupaya mengenal pasti perkara yang menarik, menyatakan jenis, ciri, tema dan persoalan, pemikiran, nilai, dan pengajaran yang telah diperolehi ketika pembelajaran.

Di samping itu, penggunaan kata, istilah, frasa, rangkai kata, dan ayat menerusi *Hikayat Pelanduk Jenaka* membolehkan golongan remaja khususnya remaja awal untuk mengesan urutan peristiwa, gambaran keseluruhan cerita dan memperoleh mesej yang ingin disampaikan. Selain itu, bahan naratif *Hikayat Pelanduk Jenaka* dalam pembelajaran berupaya memperkembangkan kecerdasan bahasa yang dimiliki oleh remaja awal menerusi perbincangan intensif ke arah penyelesaian masalah tertentu, mendapatkan idea-idea baharu, menjelaskan aspek yang menarik, mengemukakan jenis, ciri-ciri tema serta persoalan, pemikiran, nilai dan pengajaran.

Seterusnya, menerusi aktiviti sumbang saran yang dilaksanakan ketika pengajaran dan pembelajaran, remaja awal turut berupaya berbincang tentang maksud kata dan ungkapan yang tersurat dan tersirat. Contohnya, penggunaan bahasa menggiat menerusi *Hikayat Pelanduk Jenaka* akan memberi pengetahuan kepada para remaja awal akan fungsi bahasa menggiat itu. Mereka turut didedahkan dengan penggunaan bahasa menggiat yang bertujuan mengusik serta bergurau dan dipertuturkan untuk mengetahui reaksi daripada orang yang ditujukan. Kepentingan bahasa menggiat tersebut sebagaimana menurut Za'ba (2012:212), bahasa menggiat tiada tepat seakan-akan sindiran juga tetapi tiada berisi kiasan maksudnya hanya sekadar mengusik – terkadang dengan tujuan bersenda-senda sahaja dan terkadang bersungguh-sungguh betul sehingga boleh menerbitkan perasaan malu orang yang kena giat itu. Contoh petikan,

*...Setelah mendengar suara harimau maka ia pun menyahut "hai sang harimau, apa yang engkau tanyakan ingatlah jikalau tubuhku itu habis luka-luka dicakar oleh raksaksa jahanam itu. Harimau menjawab ia pernah mendengar badak dipuja oleh raksaksa yang merupakan kuat kuasanya seperti berani melawannya. Sang badak malu mendengar kata-kata harimau dan tunduk malu.*

(Hikayat Pelanduk Jenaka: 63)

Petikan tersebut menggambarkan sang harimau yang menggiat dan mengusik badak bahawa diri badak itu sering dipuja oleh raksaksa yang kuat kuasanya itu. Bahasa menggiat oleh harimau itu menerbitkan perasaan malu badak yang kena giat itu. Aktiviti sumbang saran yang dilaksanakan berupaya membawa pengetahuan dalam kalangan remaja awal (khususnya) mengenai maksud kata dan ungkapan tersurat dan tersirat. Di samping itu, *Hikayat Pelanduk Jenaka* turut berupaya memperkembangkan kecerdasan bahasa yang dimiliki oleh mereka. Contohnya, aktiviti lakonan spontan berdasarkan petikan naratif *Hikayat Pelanduk Jenaka* tersebut akan meningkatkan daya kognitif remaja awal ketika aktiviti perbincangan mengenai nilai dan pengajaran dalam karya, aktiviti bersoal jawab tentang tema dan persoalan, binaan plot dan teknik plot dalam karya. Pada peringkat ini, mereka turut berupaya mencipta dialog yang bersesuaian untuk aktiviti lakonan spontan. Contoh petikan yang bersesuaian dengan aktiviti tersebut adalah sebagaimana berikut:

*...maka raja singa itu pun marah serta berkata-kata kepada raja kedua itu seraya katanya, "hai raja beruang dengan serigala, pergilah engkau kembali kepadanya. Beritahu kepada tuannya pelanduk jenaka itu. Engkau katakan dengan tahi-tahinya pun habis aku makan". Maka raja serigala dan raja beruang pun marahlah akan mendengarkan kata-kata raja singa itu maka ia pun kembalilah mendapatkan tuannya Syeikh Alam di Rimba itu...*

(Hikayat Pelanduk Jenaka: 35)

Sehubungan itu, naratif *Hikayat Pelanduk Jenaka* menerusi aktiviti lakonan spontan akan membolehkan golongan remaja awal menyatakan makna kata dan ungkapan berdasarkan konteks untuk memahami maksud tersurat dan tersirat. Fenomena tersebut membuktikan keupayaan individu menggunakan sistem bahasa untuk berkomunikasi dan memperkembangkan kecerdasan bahasa yang dimiliki. Individu yang memiliki kecerdasan bahasa mampu berfikir dalam bentuk kata-kata serta menggunakan bahasa untuk mengekspresi makna yang mahu disampaikan. Individu yang memiliki kecerdasan bahasa juga berupaya menilai dan menentukan makna yang rumit atau kompleks. Menurut Roslina Abu Bakar (2013: 72), kecerdasan linguistik biasanya terdapat dalam kalangan masyarakat yang menguasai beberapa aspek seperti retorik. Penguasaan aspek retorik tersebut merupakan kemampuan menggunakan bahasa untuk meyakinkan orang lain, mnemonik iaitu kemampuan untuk membantu orang lain mengingat pelbagai informasi; penjelasan iaitu kemampuan untuk menjelaskan atau mengajar; dan metalinguistik iaitu kemampuan menggunakan bahasa untuk membuat refleksi atas bahasa itu sendiri.

Di samping itu, naratif *Hikayat Pelanduk Jenaka* tidak hanya berupaya membantu perkembangan bahasa golongan remaja awal, malah turut memberi manfaat kepada kanak-kanak peringkat pra sekolah. Contohnya, menerusi teknik bercerita, guru atau ibu bapa yang menceritakan kembali naratif *Hikayat Pelanduk Jenaka* kepada kanak-kanak yang masih pada peringkat pra sekolah (tahap usia 3 hingga 5 tahun) akan membantu kanak-kanak tersebut membangunkan bahasanya sendiri. Contohnya, kanak-kanak berupaya mengenalpasti kehidupan binatang di rimba, mengetahui bahasa-bahasa baharu dan membantu perkembangan kognitif kanak-kanak pada usia tersebut. Kenyataan tersebut sebagaimana menurut Syaodih, E. 15 (2007:244), bahasa merupakan alat komunikasi iaitu

menyampaikan atau menerima informasi dari seseorang. Bahasa tersusun dari kata-kata dengan tujuan dan makna tertentu. Kenyataan ini selari mengikut pendapat Vygotsky (Syaodih, E., 2007:244), perkembangan bahasa berjalan seiring dengan perkembangan kognitif, malahan saling menunjang dan keduanya berkembang dalam lingkungan sosial-budaya tertentu.

Bahasa juga merupakan alat utama untuk mengekspresikan fikiran dan perasaan. Bahasa dapat membantu perkembangan kognitif dan mengarahkan perhatian anak pada benda-benda baharu atau hubungan baharu yang ada di lingkungan, mengenalkan anak pada pandangan-pandangan yang berbeza, dan memberikan informasi pada anak. Kenyataan tersebut turut dibuktikan menerusi kajian dan keputusan ujian yang dilakukan oleh Loredana – Andreea Stăncună dan Aneliz-Iulia (2011:72-73). Menurut beliau,

*Following the experience gained during the activities with very young students we observed a tendency of receptivity increase in those classes in which students used the environment correlation when being taught a new language. Children at this age cannot absorb knowledge through reading or writing, primarily because they do not have these skills yet, and secondly because the need for movement and play is much more pronounced than patience and concentration. Kindergarten children learn from their environment, they develop a sense of space and time and they are able to undertake connections between concepts and objects around them. So practice and repetition provide recognition and use of at least 50 new words in a month's time, in new contexts and in their own phrases.*

(2011: 72-73)

Merujuk kepada kenyataan tersebut, pembelajaran bahasa kanak-kanak itu diperoleh daripada persekitaran dan mereka dapat mengaitkannya antara konsep dan objek di sekitar mereka. Faktor persekitaran turut penting kepada perkembangan kanak-kanak seperti cara ibu bapa berkomunikasi. Menurut Mohd. Sharani Ahmad (2005: 83), bagi menjadi seorang yang pandai berkata-kata, kanak-kanak mesti mahir dalam empat bidang iaitu fonologi (pengkajian bunyi bahasa), semantik (memahami makna perkataan), sintaksis (susunan kata dalam ayat), pragmatik (mempraktikkan bahasa dalam pelbagai situasi).

Sehubungan itu, *Hikayat Pelanduk Jenaka* amat bersesuaian dijadikan medium pengajaran dan bahan bacaan dalam kalangan kanak-kanak dan remaja. *Hikayat Pelanduk Jenaka* sebagai bahan bacaan dan bahan bantu pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan kanak-kanak dan remaja berupaya membentuk dan memperkembangkan kebolehan semulajadi kanak-kanak dan remaja. Menurut Gardner (1983: 73-97), kecerdasan linguistik sudah boleh dikembangkan bermula ketika peringkat kanak-kanak. Kecerdasan linguistik atau bahasa boleh dikembangkan dengan mengaplikasikan latihan. Contohnya, latihan yang diaplikasikan menerusi perbuatan mendengar lalu bertindak balas kepada setiap suara serta pelbagai ungkapan kata. Individu yang cerdas dalam bidang ini mampu berhujah, memujuk, menghibur atau mengarah dengan berkesan melalui perkataan yang diucapkan. Kemahiran ini merupakan kecerdasan yang mewakili kemampuan berbahasa

secara menyeluruh. Berikut merupakan contoh petikan *Hikayat Pelanduk Jenaka* yang menghubungkan kecerdasan bahasa kanak-kanak dan remaja secara menyeluruh,

...tambahan pula sekelian rakyatnya yang tiada terpermanai lagi banyaknya itu...

(Hikayat Pelanduk Jenaka: 92)

Petikan tersebut memaparkan perkataan 'tiada terpermanai' yang membawa makna yang tiada terkira banyaknya, sangat banyak atau tiada ternilai atau sangat tinggi nilainya. Menerusi pemilihan perkataan tersebut, *Hikayat Pelanduk Jenaka* berupaya membawa golongan kanak-kanak dan remaja masa kini kepada pengetahuan berbahasa secara menyeluruh. Kanak-kanak dan remaja akan dihubungkan dengan pengetahuan baharu dan pendedahan kepada penggunaan bahasa klasik.

Menurut Haviland (Roslina Abu Bakar: 135), bahasa adalah satu sistem bunyi yang jika digabungkan menurut aturan tertentu akan menimbulkan erti. Erti menerusi sistem bunyi tersebut dapat diungkap oleh semua orang yang berbicara dalam bahasa itu. Bahasa digunakan oleh ahli suatu masyarakat yang masing-masing memiliki kebudayaannya sendiri. Contohnya, unsur keindahan menerusi kosa kata berunsur jenaka menerusi *Hikayat Pelanduk Jenaka* turut membawa kepelbagaian makna yang disampaikan menerusi pelbagai ragam bahasa seperti metafora, analogi dan kiasan sebagai hiburan, penjelasan, pengajaran dan pembelajaran. Persoalan yang disuguhkan menerusi watak-watak binatang yang dapat bercakap, berfikir dan mempunyai sifat kemanusiaan seperti manusia adalah sindiran dan berfungsi sebagai kritikan kepada masyarakat. Kanak-kanak dan remaja turut lebih peka terhadap bahasa, makna dan hubungan perkataan dengan budaya. Sehubungan itu, kecerdasan bahasa yang dimiliki oleh kanak-kanak akan menyebabkan mereka petah bercakap, berkebolehan menulis, mengarang, mempunyai kecekapan menganalisis penggunaan bahasa sendiri, dan berkebolehan mengingat. Kenyataan tersebut sebagaimana menurut Vygotsky (Ernawulan Syaodih; 244), perkembangan bahasa berjalan seiring dengan perkembangan kognitif, malahan sering menunjang dan keduanya berkembang dalam lingkungan sosial-budaya tertentu. Bahasa juga merupakan alat utama untuk mengekspresikan fikiran dan perasaan. Bahasa dapat membantu perkembangan kognitif. Bahasa dapat mengarahkan perhatian anak kepada benda-benda baharu atau hubungan baharu yang ada di lingkungan, mengenalkan anak pada pandangan-pandangan yang berbeza, dan memberikan informasi pada anak. Bahasa adalah salah satu dari berbagai peringkat yang terdapat dalam sistem kognitif manusia.

Sehubungan itu, *Hikayat Pelanduk Jenaka* sebagai medium pembelajaran dan bacaan dalam kalangan kanak-kanak dan remaja awal berupaya memperkembangkan kecerdasan bahasa kanak-kanak dan remaja. Antaranya, menghuraikan maksud, mengulas naratif *Hikayat Pelanduk Jenaka* dari aspek watak dan perwatakan, latar, plot, gaya bahasa, dan sudut pandangan. Di samping itu, mereka turut berupaya menjelaskan penggunaan pelbagai gaya bahasa seperti inversi, metafora, simile, dan personifikasi dalam karya. Contohnya, bahasa simile yang terdapat menerusi *Hikayat Pelanduk Jenaka* berupaya menghubungkan kanak-kanak dan remaja awal kepada sesuatu pembaharuan dan informasi. Bahasa simile adalah perumpamaan yang secara jelas mengungkapkan perbandingan atau persamaan antara sesuatu sama ada orang, benda, dan sebagainya. Sehubungan itu, penggunaan bahasa persamaan atau simile menerusi *Hikayat Pelanduk*

*Jenaka* berupaya mempengaruhi perkembangan kognitif serta menghubungkan mereka dengan informasi tertentu. Contohnya, petikan 1 menggambarkan keindahan ‘pohon Beraksar’ itu dibandingkan seperti payung kuning yang sedang berkembang. Petikan 2 pula menggambarkan mulut kambing yang menjadi merah setelah memakan buah Lakum itu disamakan seperti darah. Contoh petikan:

Petikan 1:

*...Adapun pohon Beraksar itu sedang berkembang bunganya seperti payung kuning berkembang rupanya...*

(Hikayat Pelanduk Jenaka: 14)

Petikan 2:

*...maka mulutnya jadi merah seperti darah*

(Hikayat Pelanduk Jenaka: 8)

Di samping bahasa simile, terdapat juga penggunaan bahasa retorik yang menggunakan bahasa yang indah dan menarik untuk mempengaruhi pemikiran kanak-kanak dan remaja. Contohnya, bermula awal hingga ke akhir plot cerita, naratif *Hikayat Pelanduk Jenaka* mempunyai bahasa yang indah-indah dan muluk-muluk untuk menarik perhatian pembaca kepada kehebatan dan kepintaran watak dan perwatakan Pelanduk Jenaka. Pengaruh yang dimiliki oleh Pelanduk Jenaka atau Syeikh Alam di Rimba terlalu hebat sehingga memperoleh penghormatan serta taat setia daripada seisi rimba dan lautan. Contoh petikan:

Petikan 1:

*Wabihinastaiibillahialli, ini Hikayat Pelanduk Jenaka yang mengkhobar dirinya akan menjadi Shah Alam di Rimba. Dan inilah yang termasyhur namanya pada segala isi rimba dengan tipunya.*

(Hikayat Pelanduk Jenaka: 2)

Petikan 2:

*Maka raja kera berkata, “baik kita–kita sekalian ini pergi kepada Syeikh Alam di Rimba itu. Adapun baginda itu terlalu sekali mustajab doanya itu...*

(Hikayat Pelanduk Jenaka: 92-93)

Sehubungan itu, naratif *Hikayat Pelanduk Jenaka* sebagai wahana pengajaran dan pembelajaran berupaya memperkembangkan bahasa kanak-kanak seiring dengan perkembangan kognitif mereka. Kenyataan tersebut sebagaimana menurut Gardner (1983: 73-97), kecerdasan linguistik sudah boleh dikembangkan bermula ketika peringkat kanak-kanak. Kecerdasan linguistik atau bahasa boleh dikembangkan dengan mengaplikasikan latihan. Contohnya, seseorang yang mengaplikasikan latihan menerusi perbuatan mendengar lalu bertindak balas kepada setiap suara serta pelbagai ungkapan kata. Individu yang cerdas dalam bidang ini mampu berhujah, memujuk, menghibur atau mengarah dengan berkesan melalui perkataan yang diucapkan. Kemahiran ini merupakan kecerdasan yang mewakili kemampuan berbahasa secara menyeluruh. Sehubungan itu, kecerdasan

bahasa merujuk kepada kecekapan menggunakan bahasa untuk mempengaruhi dan menyebarkan maklumat. Melalui kecerdasan linguistik seseorang akan peka terhadap bahasa, makna dan hubungan perkataan. Kecerdasan linguistik atau bahasa yang dimiliki turut menyebabkan seseorang itu akan petah bercakap, berkebolehan menulis, mengarang, mempunyai kecekapan menganalisis penggunaan bahasa sendiri, dan berkebolehan mengingat.

## **KESIMPULAN**

Naratif *Hikayat Pelanduk Jenaka* berupaya dihubungkan dan memperkembang pelbagai kecerdasan yang dimiliki oleh kanak-kanak dan remaja. Walaupun naratif *Hikayat Pelanduk Jenaka* amat erat hubungannya dengan pelbagai kecerdasan kanak-kanak seperti logikal-matematik, spatial, muzikal, *bodily-kinesthetic*, interpersonal dan intrapersonal, namun penulisan ini adalah berfokus kepada kecerdasan bahasa dan kecerdasan *bodily-kinesthetic* yang memperlihatkan hubungan naratif *Hikayat Pelanduk Jenaka* dengan pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak dan remaja awal.

Akhirnya, tujuan kajian berupaya dicapai iaitu mengenalpasti kecerdasan bahasa dan *bodily-kinesthetic* menerusi *Hikayat Pelanduk Jenaka* serta menghubungkannya dengan pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak dan remaja awal. *Hikayat Pelanduk Jenaka* sebagai wahana pengajaran dan pembelajaran berupaya melatih dan memperkembang keupayaan kanak-kanak dan remaja awal agar petah bercakap, berkebolehan menulis, mengarang, mempunyai kecekapan menganalisis penggunaan bahasa sendiri, dan berkebolehan mengingat. Naratif *Hikayat Pelanduk Jenaka* sesuai dijadikan sumber primer atau sekunder dalam pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak dan remaja awal kerana naratif ini terkandung pelbagai elemen kecerdasan yang menggambarkan kemampuan seseorang individu untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi dalam kehidupan seharian, kemampuan untuk menghasilkan persoalan-persoalan baharu untuk diselesaikan, serta kemampuan untuk mencipta suatu produk yang berguna. Di samping itu, ciptaan watak dan perwatakan pelbagai binatang di rimba dan lautan, khususnya perwatakan utama iaitu Syeikh Alam di Rimba berupaya menarik minat dan mempengaruhi emosi kanak-kanak dan remaja awal.

Menerusi *Hikayat Pelanduk Jenaka*, kisah Pelanduk Jenaka yang bergelar Syeikh Alam di Rimba adalah pemimpin yang bertanggungjawab kepada seisi alam di rimba dan lautan. Kehebatan serta kebijaksanaan watak tersebut berupaya mempengaruhi kognitif, afektif, psikomotor dan secara tidak langsung memperkembangkan pelbagai kecerdasan yang dimiliki oleh kanak-kanak serta remaja khususnya. Kanak-kanak dan remaja awal turut memperoleh unsur pelajaran seperti kaedah penyelesaian kepada pelbagai masalah yang memerlukan kreativiti dan daya kognitif yang tinggi. Sehubungan itu, fenomena ini sesuai diperlihatkan menerusi kaca mata teori Kecerdasan Pelbagai (KP) yang diasaskan oleh Gardner (1983). Justeru, *Hikayat Pelanduk Jenaka* yang memaparkan kehidupan masyarakat seisi rimba yang mempunyai pelbagai peristiwa secara tidak langsung membina pembangunan jasmani, emosi, intelek dan sahsiah golongan kanak-kanak. Kenyataan tersebut membuktikan bahawa naratif *Hikayat Pelanduk Jenaka* amat sesuai dijadikan medium pengajaran kepada kanak-kanak pra sekolah mahu pun remaja awal.



Naratif *Hikayat Pelanduk Jenaka* amat sesuai dijadikan sumber dalam pelbagai aktiviti pembelajaran kerana berupaya memperkembangkan kecerdasan kinestetik badan dan kecerdasan bahasa yang dimiliki oleh golongan kanak-kanak dan remaja awal. Manakala pelbagai ragam bahasa berbentuk prosa seperti metafora, analogi dan kiasan menerusi *Hikayat Pelanduk Jenaka* sarat dengan unsur keindahan. Pelbagai ragam bahasa tersebut berupaya menghibur, menjelaskan, membawa pengajaran dan pembelajaran kepada kanak-kanak dan remaja awal seiring dengan perkembangan kognitif mereka. Kenyataan tersebut sebagaimana menurut Gardner (1983: 73-97), kecerdasan linguistik sudah boleh dikembangkan bermula ketika peringkat kanak-kanak. Kecerdasan linguistik atau bahasa boleh dikembangkan dengan mengaplikasikan latihan dan kemahiran ini merupakan kecerdasan yang mewakili kemampuan berbahasa secara menyeluruh.

Akhirnya, kajian ini berupaya membuktikan kerelevanan *Hikayat Pelanduk Jenaka* sebagai medium pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak dan remaja awal untuk memperkembangkan kecerdasan *bodily-kinesthetic* dan kecerdasan bahasa yang dimiliki oleh mereka. Secara tuntas, *Hikayat Pelanduk Jenaka* sebagai bahan pengajaran berupaya membangun perkembangan jasmani, emosi, rohani, intelek, dan sahsiah kanak-kanak. Di samping itu, *Hikayat Pelanduk Jenaka* sebagai bahan pengajaran turut membawa kepentingan dan sumbangan naskhah Melayu tradisional dalam kalangan generasi muda pada era ini.

## **PENGHARGAAN**

Makalah ini merupakan sebahagian daripada kajian penyelidikan program Post-Doktoral penulis mengenai Interaksi Sosial dalam manuskrip Melayu di Institute For Asian Studies (IIAS), Leiden University dari 1 November 2014 hingga November 2016. Penulis ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Putra Malaysia dan Kementerian Pendidikan Malaysia atas pembiayaan program Post-Doktoral ini. Penulis juga ingin mengucapkan penghargaan kepada Dr Philippe Peycam, Pengarah Institute For Asian Studies (IIAS) dan Dr Willem Vogelsang, Pengurus Institut For Asian Studies (IIAS) atas penerimaan penulis sebagai Affiliated Fellow di IIAS, University of Leiden, Leiden, The Netherlands.

## **RUJUKAN**

### **Manuskrip**

Perpustakaan Universiti Leiden, (Cod.Or. 1932).

### **Buku/Artikel**

Amanda Bateman. (2013). "Responding to Childrens's Answers: Questions Embedded in the Social Context of Early Childhood Education". *Early Years: An International Research Journal*. Volume 33, No. 3: 275-288.

Azizah Lebai Nordin. (2004). *Pendidikan Awal Kanak-Kanak Teori dan Amali*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

C. June Maker, Ketty sarouphim. (2009). "Problem Solving and the DISCOVER Project Lesson from the Dine (Navajo) People" dlm Jie-Qi Chen, Seana Moran, Howard Gardner (Peny). *Multiple Intelligences Around the World*. San Francisco: John & Sons, Inc.

- Douglas Bell, Raynice E., Jean-Sigur dan Yanghee A. Kim. (2015). "Going Global in Early Childhood Education". *Childhood Education Journal*. Volume 91, Issue 2: 90-100.
- E.P. Wieringa. (1998). *Catalogue of Malay and Minangkabau Manuscripts in the Library of Leiden University and Other Collections in the Netherlands in Volume One Comprising The Acquisitions of Malay Manuscripts in Leiden University Library Up to the Year 1896*. Leiden University Library: Legatum Warnerianum.
- Ernawulan Syaodih. (2007). "Pendidikan Anak Usia Dini" dlm Rochman Natawidjaja, Nana Syaodih Sukmadinata, R. Ibrahim, As'ari Djohar (Peny). *Rujukan Filsafat, Teori, dan Praktis Ilmu Pendidikan*. Bandung: Universitas Pendidikan Indonesia Press.
- Gamze Dolu. (2014). "A Study Related to the Investigation of Multiple Intelligence Profiles of Gifted and Talented Children across Turkey". *Journal for the Education of the Young Scientist and Giftedness*. Volume 2, Issue 2: 58-66.
- Gardner, H. 1983. *Frames of Minds. The Theory of Multiple Intelligences*. Oxford: Clarendon Press.
- Hurlock, E.B. (1978). *Child Development, Edisi Keenam*. New York: McGraw-Hill, Inc.
- Loredana – Andreea Stăncună dan Aneliz-Iulia Crăciun. (2011). "A Multiple Intelligences Approach: Intuitive English Learning – A Case Study For k-1 students". *Procedia Social and Behavioral Sciences*. Volume 11: 72-76.
- Mohd. Sharani Ahmad. (2005). *Psikologi Kanak-Kanak Cara Mudah Memahami Psikologi Bayi dan Kanak-kanak*. Bentong, Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Nana Syaodih sukmadinata. "Pendidikan Dasar" dlm Rochman Natawidjaja, Nana Syaodih Sukmadinata, R. Ibrahim, As'ari Djohar (Peny). *Rujukan Filsafat, Teori, dan Praktis Ilmu Pendidikan*. Bandung: Universitas Pendidikan Indonesia Press.
- Roslina Abu Bakar. (2013). *Komunikasi Dua Hala Terancang Satu Aplikasi dalam Penyampaian Cerita Rakyat Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Roslina Abu Bakar. (2014). *Interaksi Sosial dalam Penyampaian Cerita Rakyat Melayu*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Sabariah Abdullah. (2005). *Istiadat Diraja Melayu*. Petaling Jaya: Pustaka Cahaya Intelek.
- Semra Erkan, M. Burcu Öztürk. (2013). "A Study On The Multiple Intelligences Of Kindergarteners From Different Socioeconomic Backgrounds". *Procedia - Social and Behavioral Sciences*. Volume 106 : 250-258.
- Sternberg, J. R. & Detterman, K.D. (sunt.). (1986). *What Is Intelligence?*. Norwood, N.J: Ablex Publishing Co. Sudardja
- Adiwikarta. (2007). "Landasan Sosiologi" dlm Rochman Natawidjaja, Nana Syaodih Sukmadinata, R. Ibrahim, As'ari Djohar (Peny). *Rujukan Filsafat, Teori, dan Praktis Ilmu Pendidikan*. Bandung: Universitas Pendidikan Indonesia Press.
- Syed Alwi bin Sheikh al-Hadi. (1965). 'Adat Resam Melayu dan 'Adat Isti'adat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.